

PRASARANA, SCOMI meterai perjanjian baik pulih tren

RAWANG: Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) dan Scomi Transit Projects Sdn Bhd (STP) memeterai perjanjian peroleh dan baik pulih tren monorel yang sekali gus menandakan penghujung pertikaian kedua-dua pihak mengenai perkhidmatan KL Monorail.

Majlis yang berlangsung di Pusat Kejuruteraan, Teknologi dan Inovasi Scomi di sini disaksikan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

“Sebarang pertikaian dari segi undang-undang antara kedua-dua pihak sebelum ini akan ditarik balik, jadi tiada lagi tindakan mahkamah,” katanya kepada pemberita kemudian.

Loke berkata di bawah perjanjian itu, STP akan membaik pulih lima set tren empat gerabak yang telah dihentikan perkhidmatan sejak Januari 2018 selain membekalkan tujuh lagi set tren empat gerabak yang baharu.

Katanya, penyelesaian dengan nilai keseluruhan RM303 juta itu dibuat susulan persetujuan Jemaah Menteri pada Januari lalu yang mahu isu berkaitan perkhidmatan monorel di ibu negara diselesaikan.

Loke berkata, STP perlu menyiapkan pembaikan lima set tren berkenaan dalam masa tiga ke enam bulan, manakala tujuh tren yang baharu itu perlu diserahkan dalam masa 20 bulan.

Sementara itu, beliau berkata penyelesaian itu diharap mampu mempertingkatkan kualiti dan perkhidmatan tren monorel kepada orang awam.

“Kita juga jangkakan peningkatan penumpang harian perkhidmatan monorel. Pada 2015 ia melepassi 71,000 penumpang sehari berbeza dengan sekarang iaitu kira-kira 30,000 penumpang sehari,” tambahnya.

Menurut Prasarana, operasi monorel pada 2015 menggunakan lima set tren empat gerabak dan lima set tren dua gerabak. Namun, ia kini beroperasi dengan lima tren dua gerabak sahaja. – BERNAMA

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S : 30 | 5 APRIL 2019